

BAB SATU:
LATAR BELAKANG PERSEKITARAN
YANG MEMBENTUK PEMIKIRAN ALI
SHARIATI

BAB SATU

LATAR BELAKANG PERSEKITARAN YANG MEMBENTUK PEMIKIRAN

ALI SHARIATI

1.1 Latar belakang keluarga

Ali Shariati datang daripada keluarga yang kuat agama dan professional di Iran. Datuknya iaitu Akund Mulla Qurban-Ali atau lebih dikenali sebagai Akund-e Hakim telah dijemput untuk tinggal di Mazinan sebagai ketua agama. Mazinan ketika itu adalah sebuah kampung kecil yang dibina di pinggir padang pasir Khurasan. Keluarga beliau mempunyai reputasi yang baik dari segi budi-pekerti, khidmat masyarakat dan keagamaan di kawasan tersebut.¹

Shariati amat berbangga dengan datuknya dan menceritakan bahawa datuknya bersama dengan bapa saudara sebelah ibunya, Allama Bahmanabadi pernah berbahas secara falsafah dengan Hakim Asrar. Walaupun datuknya tinggal di kawasan kampung berhampiran Mazinan, kemasyhurannya tersebar ke Tehran, Mashad, Isfahan, Bukhara dan Najaf. Di Tehran, beliau telah digelar sebagai genius dan Nasir ad-Adin Shah telah menjemputnya ke ibukota tersebut. Di Tehran, datuknya mengajar falsafah di Madrasah Sipahsalar. Namun, oleh kerana jiwanya yang sukakan pengasingan menyebabkannya pulang ke Bahmanabad dengan meninggalkan kekuasaan, kepimpinan, kemahsyuran dan pengaruh. Bapa saudara sebelah bapanya juga seorang pelajar yang cemerlang di Adib

Nishapuri. Tetapi selepas belajar undang-undang, falsafah dan penulisan, dia mengikut tradisi datuknya pulang ke Mazinan.²

Ayah Shariati pula ialah Muhammad Taqi Mazinani (Shariati) yang telah pergi ke Bandar suci Mashad antara tahun 1927 dan 1928 untuk melanjutkan pelajaran agama di Sekolah Seminar Mashad. Sekolah ini dari segi status akademik merupakan kedua terbaik selepas Sekolah Seminar Qum. Selepas menghabiskan bab pangenalan dan baru memasuki bab isi pengajian teologi, Muhammad Taqi meninggalkan sekolah tersebut untuk menjadi guru dalam sistem pendidikan nasional. Dia percaya bahawa pemuda berpendidikan yang mempunyai tanggung-jawab terhadap negara pada masa akan datang perlu didedahkan dengan pendidikan Islam selari dengan kehendak zaman moden. Di sini Muhammad Taqi memecahkan dua tradisi lama keluarganya. Pertama, meninggalkan pengajiannya dan tidak pulang ke Mazinan, iaitu tempat kediaman tradisi keluarganya. Kedua, walaupun beliau telah dipersiapkan untuk menjadi ulama sebagaimana bapanya, dia telah menggantikan pakaian berserban dengan pakaian Barat. Sebagaimana kata Mughniya bahawa Muhammad Taqi memakai pakaian Barat untuk mempertahankan beribu-ribu janggut dan serban alim ulama daripada ejekan dan cemuhan generasi baru. Untuk tujuan mendidik generasi baru, dia perlu belajar penulisan yang akan menarik perhatian mereka, menggunakan bahasa mereka dan menyesuaikan diri dengan pakaian mereka.

Selepas pelepasan tahta Reza Shah dalam tahun 1941, pengawalan ketat terhadap politik umum dan aktiviti agama diteruskan. Sebaliknya, aktiviti Parti Tudeh yang tidak

mahu menamakan diri mereka sebagai Parti Komunis Iran bagi mengelakkan sensitiviti agama, telah giat diperkembangkan. Dalam masa yang sama, Ahmad Kasravi, seorang bekas ulama, telah mempersoalkan asas-asas agama Syiah dan menganggapnya menyeleweng daripada Islam.

Di dalam situasi tahun 1941 ini, Muhammad Taqi Shariati seorang diri telah memulakan kempen mempropagandakan apa yang beliau percaya sebagai Islam progresif. Dalam tahun 1944, Pusat Propaganda Kebenaran Islam (*Kanoun-e Nashr-e Haqayeq-e Eslami*) dibuka secara rasmi di Mashad. Objektif utamanya ialah menyekat pengaruh atheist yang dipropagandakan oleh komunis. Ia juga bertujuan menyedarkan intelektual Muslim yang menerima semua dogma agama dan akhirnya menyebabkan mereka jatuh ke tangan golongan Kasravi. Golongan modenis Islam pusat ini mempunyai konflik dengan kekuasaan Syiah yang kuat di Mashad. Sebagaimana kata Ali Shariati bahawa dalam kacau-bilau selepas tahun 1941, golongan intelektual ada potensi untuk menjadi Marxis, manakala golongan agama ada potensi untuk menjadi penentang kemajuan. Ramai di kalangan intelektual agama telah mendapati diri mereka tidak mempunyai pegangan. Oleh itu, Muhammad Taqi muncul dengan membuka jalan ketiga antara Marxis dan penentang kemajuan.

Selepas 1953, berlaku rampasan kuasa Amerika terhadap kerajaan nasional Mossadeq hingga 1957. Lalu, ketika itu Mashad menjadi pusat kegiatan aktiviti pro-Mossadeq. Apabila Gerakan Penentang Nasional (*National Resistance Movement atau NRM*) yang bertujuan meneruskan polisi Mossadeq ditubuhkan pada 1953, ahli-ahli Pusat

Propaganda Kebenaran Islam menyertai NRM. Pada ketika itu juga, ahli Kumpulan Sosialis Muslim (*Nehzat-e Khoda Prastan-e Socialist*) atau juga disebut Gerakan Sosialis Beriman (*Movement of God-Worshipping : MGWS*) yang diasaskan oleh Muhammad Nakhshab dan aktif di Mashad, turut menyertai NRM. Antara mereka yang menyertai MGWS yang telah bergabung dengan Pusat Propaganda Kebenaran Islam ialah anak Muhammad Taqi sendiri yang ketika itu berumur 20 tahun iaitu Ali Shariati.³

Muhammad Taqi telah menjadi model ulil albab bagi Ali Shariati seperti Nabi Zakaria a.s. kepada Nabi Yahya a.s. Muhammad Taqi juga mewariskan kepada anaknya perjuangan untuk kebenaran, kerinduan kepada syahadah dan keterikatan pada Islam.⁴

1.2 Zaman kanak-kanak dan remaja

Ali Shariati merupakan anak pertama kepada Muhammad Taqi dan Zahra yang lahir pada 24 November 1933. Pada ketika itu bapanya sudahpun tamat pengajian Islamnya dan mengajar di sekolah rendah Sherafat. Ali Shariati dilahirkan dalam keluarga yang sederhana dan dalam masa yang sama sangat mengambil berat terhadap agama dan peribadatan. Islam yang disampaikan oleh bapanya lebih bersifat sosial serta sesuai dengan doktrin falsafah moden daripada kepercayaan yang bersifat rahsia dan senyap seperti sebelumnya.

Pada tahun 1941, Ali Shariati memasuki sekolah Ibn Yamin di mana bapanya bekerja. Di sekolah, Ali Shariati mempunyai dua jenis tingkah laku yang jelas. Dia

seorang pendiam, tidak terurus dan suka belajar. Dia ibarat keseorangan yang tinggal dalam kepompong dirinya dan terpelihara dari dunia luar. Dia kelihatan tidak bersosial. Menurut salah seorang rakan sekelasnya, dia tidak bergaul banyak dengan rakan-rakan sekelas dan juga tidak bermain bola sepak sebagaimana kebiasaan bagi kanak-kanak lelaki seusia dengannya. Di dalam kelas, beliau selalu melihat keluar tingkap serta tidak menyedari keadaan sekelilingnya. Shariati sangat berbeza dengan kanak-kanak lain yang sebaya dengannya. Walaupun beliau berjaga malam bersama bapanya, membaca hingga lewat malam dan kadang-kadang hingga ke awal pagi, beliau tidak pernah membaca apa yang disuruh oleh guru sekolahnya dan juga tidak membuat kerja sekolahnya. Semasa di sekolah rendah dia telah membaca buku terjemahan Parsi tentang Victor Hugo's dan buku-buku berkaitan vitamin dan sejarah pawagam.

Shariati belajar falsafah dan mistik ketika berada dalam tahun satu sekolah tinggi. Dalam tahun-tahun tersebut, beliau lebih suka belajar di rumah, dia tenggelam dalam perpustakaan bapanya yang mempunyai 2000 buah buku. Ketika Pusat Propaganda Kebenaran Islam yang diasaskan oleh Muhammad Taqi menarik minat ramai pelajar dan intelektual muda yang sebahagiannya terdiri daripada rakan sekelas Shariati, namun Shariati sangat sibuk belajar di rumah dan jarang-jarang menghadiri kuliah dan perbincangan di pusat tersebut. Beliau merasakan perbincangan di Pusat tersebut tidak dapat menghilangkan dahaga atau perasaan ingin tahu. Menurut Shariati, bapanya telah membentuk roh dan semangatnya. Bapanyalah yang mengajar "seni" dan "teknik" sebagai manusia. Bapanya juga orang yang pertama mendedahkan dia kepada "kebebasan", "maruah", "sikap murah hati" dan "iman".

Minat Shariati tertumpu kepada penulisan, puisi dan kemanusiaan berbanding dengan sains sosial atau pengajian Islam. Walaupun beliau belajar bahasa Arab dengan bapanya di rumah, dia fokuskan hanya kepada pengajian falsafah penulisan dan puisi moden Iran. Dia mendapat inspirasi daripada tulisan Sadeq-e Hedayat, penulis novel Iran yang terkenal, Nima Yousheej, bapa puisi moden Iran dan beberapa orang lain.

Ali Shariati bukanlah ulat buku dan anti-sosial yang menjauhkan diri daripada kawan-kawan kerana beliau kerana tidak tahu apa yang ingin dibincangkan atau tiada persamaan langsung dengan mereka. Apabila beliau senang hati, beliau akan bersosial. Beliau juga menjadi budak nakal yang menyertai plot pelajar dalam kelas untuk mencemuh guru mereka. Dia juga terkenal dengan sifat kelakar, cerdas dan suka bergurau yang akhirnya menjadi senjata penting apabila berhadapan dengan musuh.

Ali Shariati mengalami krisis personaliti yang pertama antara tahun 1946 hingga 1950. Semasa berumur 13 tahun, remaja di Barat memasuki kehidupan “remaja” dan “alam romantik”. Tetapi di Iran akhir tahun 1940, tiada komik dan cerita detektif dan romantik untuk remaja. Tidak hairanlah, semasa remaja Shariati membaca tulisan-tulisan Maurice Maeterlinck, Arthur Schopenhauer, Franz Kafka dan Sadeq-e Hedayat. Dan mereka sedikit sebanyak mempengaruhinya. Satu malam di musim sejuk, beliau bermain-main dengan idea membunuh diri dalam pemandangan romantik di Estakhr-e Koohsangi, Mashad. Manakala falsafah Barat mengelirukannya dan membuatkannya mencari sesuatu yang boleh dipercayai dan beliau telah menjumpai makna dan keselamatan dari gedung

falsafah Timur Mowlavi Masnavi. Pada malam tersebut, kata-kata dan pemikiran Mowlavi telah menyelamatkannya daripada kebinasaan diri.

Pada 1950 setelah tamat sekolah tinggi Ferdowsi, beliau memasuki Maktab Perguruan Mashad. Pada ketika itu beliau telah memikirkan tentang perbezaan konsep makna dan objektif kehidupan dan tanggung-jawab di bumi ini. Pada tahun 1952, beliau tamat pengajian di Maktab Perguruan Mashad. Pada ketika itu, beliau telah menyelesaikan beberapa isu teologi yang dihadapi beliau beberapa tahun yang lalu. Kemudian, beliau mendapati model yang ideal atau ejen untuk mencapai masyarakat Islam yang ideal dalam karektor Abu Zar.

Antara tahun 1953 hingga 1956, beliau menulis dengan serius buku Tarikh-e Takamol-e Falsafe (*A History of the Development of Philosophy*) yang dikenali umum sebagai Maktab-e Vaseteh-e Islam (*The Median School of Islam*) dan Abu Zar-e Ghifari (Abu Zar: Sosialis Beriman). Kedua-dua tulisan ini penting untuk membezakan Islam daripada aliran pemikiran yang lain, menginterpretasikan Islam untuk konsep sosio-ekonomi dan politik moden serta memodenkan konsep Islam yang tradisional. Penulis asal Abu Zar-e Ghifari ialah penulis radikal kontemporari Mesir iaitu Abdul-Hamid Jowdat al-Sahar yang ditulis dalam bahasa Arab. Walaupun teks tersebut disebut terjemahan, Shariati mengaku bahawa beliau dengan bebas menokok tambah berdasarkan kajian dan komentarinya sendiri. Di dalam Abu Zar-e-Ghfari, Shariati mencipta seorang wira, model dan simbol yang melawan kekayaan, kekuasaan dan kekuasaan agama untuk menyelamatkan Islam yang sebenar iaitu Islam golongan miskin, tertindas dan sedar.

Kemudian, daripada kajiannya tentang Abu Zar meyakinkannya tentang konsep seperti keadilan sosial, persamaan, liberal dan sosialisme yang sampai ke Iran melalui golongan intelektual Barat adalah sebahagian daripada integriti Islam. Shariati juga cuba menjadi seperti Abu Zar dan mengaku bahawa dia adalah pengikut Abu Zar. Beliau merasakan begitu rapat dengan Abu Zar dan menerangkan bahawa dia berada di posisi Abu Zar. Selepas kematiannya ramai yang mengatakan bahawa Shariati adalah Abu Zar pada zamannya.⁵

1.3 Kegiatan politik Ali Shariati

Dalam tahun 1950 hingga 1951, seperti intelektual nasionalis yang lain pada zamannya , Shariati turut terlibat dalam demonstrasi, persatuan, perjumpaan dan diskusi parti pro-Mossadeq. Di Mashad, 16 orang pemuda nasionalis moden Islam di bawah Pusat yang diasaskan oleh Muhammad Taqi menyertai Gerakan Sosialis Beriman (*Movement of God-Worshipping :MGWS*). Antara mereka termasuklah Ali Shariati, Kazem Sami, Mehdi Momken, Kazem Ahmadzadeh dan Ibrahim Harati. Gerakan Sosialis Beriman mencampurkan Islam dengan sosialisme dan mengekalkan sistem sosio-ekonomi Islam sebagai sosialisme saintifik yang berdasarkan monotheisme. Risalah mereka mengajak supaya membuang feudalisme, kapitalisme serta memaparkan Nabi Muhammad s.a.w. dan Imam Ali sebagai bapa kepada sosialisme dan demokrasi. Untuk menjaga falsafah perjuangan mereka, Gerakan Sosialis Beriman telah berpisah dengan Parti Iran (*Iran Party / Hezb-e Iran*) yang merupakan ahli Barisan Nasional Mossadeq

(*Mosaddeqist National Front*) pada 21 Mei 1951. Pada 16 February 1953, Gerakan Sosialis Beriman yang telah berpecah dengan Parti Iran menjumpai organisasi baru yang dipanggil Liga Kebebasan Rakyat Iran (*League for the Freedom of the Iranian People / Jam'iyyat Azadi-e Mardom-e Iran*). Shariati kekal sebagai ahli Liga ini dan muncul dalam senarai ahli di Khurasan dan diterbitkan dalam risalah organisasi tersebut. Selepas tahun rampasan kuasa oleh Amerika dalam tahun 1953, Liga Kebebasan Rakyat Iran mengekalkan prinsip Sosialis Islam tetapi menukar nama kepada Parti Rakyat Iran (*Party of Iranian People / Hezb-e Mardom-e Iran*). Menurut kawan rapat Sharaiti, beliau masih menjadi ahli parti tersebut.

Selepas kejatuhan kerajaan nasionalis Mosaddeq pada Ogos 1953, golongan pemuda anti-imperialisme dan nasionalis yang menyertai gerakan yang popular tersebut hilang arah. Ramai yang merasa kecewa. Perasaan kebangsaan ini memberi kesan terhadap krisis personaliti kedua Shariati yang disebutnya sebagai krisis identiti. Antara tahun 1956 hingga 1958, Shariati terikat dengan menilai dalaman diri dan proses mencari roh. Mencari jawapan kepada persoalan “Siapa saya?” (*Who am I?*).

Shariati yang banyak dipengaruhi oleh Mosaddeq dan kegagalan gerakan tersebut, kemudiannya mempunyai pegangan yang bertentangan terhadap kebebasan dan demokrasi. Dari satu aspek cinta dan kasih untuk kebebasan dan Mosaddeq sebagai personafikasinya, dari satu aspek yang lain, kebencian terhadap demokrasi parlimen sebagai sistem politik yang lemah dan tidak sesuai bagi negara membangun. Dalam tahun 1975, iaitu 22 tahun selepas kejatuhan Mosaddeq, Shariati menulis puisi yang simbolik

tentang kebebasan. Beliau merujuk Mosaddeq sebagai panduan dan pemimpin yang memperjuangkan kebebasan selama 70 tahun hidupnya.

Rampasan kuasa terhadap Mosaddeq mewujudkan persekutuan triniti. Peranan yang dimainkan oleh Amerika Syarikat, persekutuan monarki serta militari dan akhirnya segmen ulama yang disampaikan oleh Ayatollah Behbahani dan Ayatollah Kashani menyebabkan majoritit pemuda politik Iran melihat revolusi komunis sebagai alternatif. Ini adalah kerana, ia menyediakan penerangan sejarah tingkah laku imperialism, monarki diktator dan kerjasama ulama. Ia menyediakan pemuda Mosaddeq dengan intelektual yang cukup untuk menentang triniti yang dilihat sebagai punca kegagalan Iran.

Melihat kepada kuasa yang menyebabkan kejatuhan Mosaddeq, Shariati kemudiannya, mempopularkan apa yang disebutnya sebagai triniti jahat iaitu harta, paksaan dan penipuan. Menurutnya lagi, harta, penindas dan rakan sejenayah yang pemaaf atau ulama rasmi, merupakan sumber kejahatan di sepanjang sejarah.

Selepas kesan rampasan kuasa dalam tahun 1953, Shariati menyertai Gerakan Penentang Nasional (*National Resistance Movement : NRM*) cawangan Mashad iaitu organisasi Mossaddeq yang kuat agama. Ketika itu, beliau terlibat merancang penentangan dan demonstrasi serta menerbitkan buku secara sulit. Pada 28 Februari 1954, Shariati dan rakannya Mr. Falsafi yang merancangkan satu demonstrasi mengenang

Mosaddeq kembali berkuasa pada 1952, lalu mereka telah ditahan kerana pro-Mosaddeq dan dipenjara selama 17 hari.⁶

1.4 Kegiatan Ali Shariati di universiti

Dalam tahun 1955 Ali Shariati memasuki Universiti Mashad dalam Fakulti Penulisan Sastera. Semasa di universiti, walaupun beliau menghadapi sedikit masalah kerana beliau merupakan guru sepenuh masa, namun beliau merupakan pelajar yang paling hebat dalam kelasnya. Bakat, ilmu dan keghairahannya terhadap penulisan menyebabkannya popular di kalangan pelajar-pelajar universiti tersebut. Pada masa yang sama juga, dia terkenal dalam politik dan intelektual di Mashad.

Dalam tahun 1957, cawangan-cawangan NRM diserang. 14 ahli NRM cawangan Mashad termasuk Muhammad Taqi dan Ali Shariati ditangkap dan dibawa ke Tehran dengan kapal terbang tentera lalu dipenjarakan di Qazel Qal'eh. Mereka dituduh mengikut doktin Mosaddeq. Ali Sharaiti dibebaskan sebulan selepas itu.

Di Universiti, Shariati bertemu dengan Bibi-Fatemeh atau lebih dikenali sebagai Pouran-e Shariat Razavi yang juga merupakan pelajar dalam Fakulti Penulisan Sastera. Pouran adalah anak kepada Haji Ali-Akbar dan Pari. Salah seorang daripada abang Pouran ialah Ali-Asghar (Toofan) yang dibunuhan ketika mempertahankan Iran sewaktu Soviet Union menguasai Azerbaijan dalam tahun 1941. Abangnya lain ialah Azar yang menjadi wira di Universiti Tehran. Pada 7 Disember 1953, empat bulan selepas rampasan

kuasa, pelajar-pelajar Universiti Tehran berdemonstrasi menentang lawatan Timbalan Presiden Amerika Syarikat, Richard Nixon ke Iran. Pada hari tersebut, tentera telah menyerang pelajar dan tiga orang ditembak mati termasuk Azar Shariat-Razavi.⁷

Pouran dan Ali Shariati berkahwin di Mashad pada 15 Julai 1958. Lima bulan selepas perkahwinannya, Shariati mendapat Ijazah dalam Penulisan Parsi. Pada tahun 1958, Shariati menyambung pelajaran di peringkat sarjana sastera dalam bidang bahasa-bahasa asing khususnya bahasa Arab dan bahasa Perancis di Universiti Mashad. Sewaktu menjadi mahasiswa, Shariati menunjukkan daya kritisnya. Ia sering berdebat dengan pensyarahnya. Beliau juga banyak membaca buku-buku Islam disamping buku-buku sejarah, sastera, falsafah, sosiologi dan ilmu-ilmu sosial lainnya. Setelah mendapat ijazah sarjana (M.A.) dalam tahun 1960, beliau telah memenangi satu biasiswa negara ke Sorbonne di peringkat kedoktoran (Ph.d) dalam bidang sosiologi dan sejarah Islam. Dalam bulan April 1959, Shariati pergi ke Paris seorang diri. Isteri dan anaknya yang baru lahir, Ehsan mengikutnya ke Paris setahun kemudian.⁸

1.5 Ali Shariati sewaktu di Paris

Di Paris, pada zaman kemuncak revolusi Algeria dan Cuba, beliau menceburkan dirinya dalam falsafah politik radikal dan pertubuhan-pertubuhan revolusioner mahasiswa. Beliau menyertai Gabungan Pelajar Iran dan Gerakan Pembebasan Iran yang dibentuk dalam tahun 1961 – 1962 oleh pengikut bekas Perdana Menteri Iran, Dr. Mosaddeq. Beliau menyusun tunjuk perasaan mahasiswa bagi pihak gerakan nasionalis

Algeria sehingga pernah beliau terlantar selama tiga hari di hospital kerana kecederaan di kepalanya akibat berdemonstrasi. Beliau juga sempat mengedit dua buah majalah iaitu majalah *Iran Azad* (Iran Bebas) yang merupakan lidah Barisan Nasional Mossadeq di Eropah, dan majalah *Nameh-i Pars* (Surat Parsi) yang merupakan majalah bulanan Gabungan Pelajar Iran di Perancis.

Semasa di universiti di Sorbone, Shariati mengambil beberapa kursus yang diajar oleh orientalis yang masyhur seperti Massignon. Beliau juga rajin mendengar kuliah-kuliah yang diberikan oleh sarjana-sarjana sosialis. Beliau ghairah membaca buku-buku penulis radikal semasa khasnya Jean – Paul Sartre, Franz Fanon, Che Guevara, Vo Nguyen Giap dan Roger Garaudy (seorang cendekiawan Marxis Kristian terkemuka yang akhirnya telah memeluk agama Islam). Shariati telah menterjemahkan buku Guevara yang bertajuk “Perang Gerila”, buku Sartre yang bertajuk “Apa itu Puisi”? Dan juga buku-buku Fanon yang bertajuk “Yang Terhina Di Bumi” dan “Tahun Kelima perang” (lebih terkenal kepada pembaca Inggeris sebagai *A Dying Colonialism*).

Shariati juga sempat menulis tiga pucuk surat kepada Fanon dan mencabar beliau mengenai masalah agama dan revolusi. Mengikut Fanon, rakyat Dunia Ketiga mestilah melepaskan agama-agama tradisional mereka supaya dapat berjaya dalam perjuangan melawan imperialisme Barat. Tetapi, pada pandangan Shariati, rakyat Dunia Ketiga tidak boleh melawan imperialisme selagi mereka tidak memilih untuk kembali kepada identiti kebudayaan mereka yang berasaskan warisan dan tradisi keagamaan mereka.⁹

1.6 Ali Shariati kembali ke Iran

Setelah empat tahun berada di Paris, Shariati pulang ke Teheran dengan gelaran doktor, seorang isteri dan dua orang anak. Sebagai seorang intelektual, Ali Shariati melatih dirinya mendidik masyarakat dengan mengajar di beberapa sekolah menengah. Shariati juga aktif dalam gerakan politik, setelah kejatuhan pemerintahan Dr. Mosaddeq.

Sekembalinya Ali Shariati dari Paris ke Iran dalam tahun 1965, beliau telah ditahan dan terpaksa merengkok dalam penjara selama enam bulan. Oleh kerana beliau tidak diberikan sebarang jawatan di Universiti Teheran, beliau pulang ke daerah kelahirannya, Khurasan. Beliau mula mengajar di sebuah sekolah kampung dan kemudiannya mengajar di Universiti Mashad. Gagasan yang kontroversial serta kaedah mengajarnya yang tidak konvensional telah menarik ribuan mahasiswa. Sehingga pihak universiti memandang kuliah-kuliah Shariati sebagai hasutan yang membahayakan rejim yang memerintah.¹⁰

Oleh itu pada tahun 1967, beliau berpindah ke Teheran dan memegang jawatan pensyarah di Husseinieh-i Ershad, sebuah dewan perjuangan yang telah dibina dan dibiayai oleh satu golongan peniaga kaya dan pemimpin ulung Gerakan Pembebasan. Lima tahun seterusnya adalah tahun-tahun paling produktif dalam hidupnya. Beliau memberi suatu siri syarahan di Husseinieh, dan kebanyakannya dari kuliah-kuliah ini diterbitkan dalam kira-kira 50 buah risalah dan buku kecil. Pita-pita kuliahnya disebarluaskan meluas dan mendapat sanjungan. Oleh kerana kemahsyuran dan kehebatan

Shariati, seramai 6000 mahasiswa dan beribu-ribu orang dengan latar-belakang yang berbeza telah mengikuti kuliah-kuliah yang disampaikannya di musim panas di Institut ini. Manakala edisi pertama bukunya yang bertajuk “Haji” telah terjual melebihi 60 000 naskah dalam waktu yang singkat.¹¹

Dalam tahun 1972, Husseinieh telah menghentikan kegiatannya. Dewan itu telah ditutup atas beberapa sebab. Antaranya ialah kemasyhuran dan kepopularan Shariati telah menimbulkan kebimbangan di kalangan polis Savak, manakala Mujahidin iaitu Pertubuhan Gerila Islam telah disyaki berada di situ. Di samping itu, cendiakawan-cendiakawan upahan yang dibayar oleh kerajaan pula menuduh Shariati mengelirukan belia dengan propaganda anti-kaum dan anti agama. Malah, beberapa orang golongan agama yang cenderung kepada pembaharuan seperti Ayatollah Mottaheri, merasa bahawa Shariati lebih menekankan sosiologi yang berasaskan falsafah politik Barat.

Sejurus selepas penutupan Husseinieh, Shariati ditangkap semula kerana dituduh mempelopori “Marxisme Islam” lalu dipenjarakan. Beliau dipenjarakan selama 15 bulan sehingga tahun 1975 dan dibebaskan kerana terdapat banyak rayuan daripada cendiakawan-cendiakawan dari Paris dan Kerajaan Algeria. Dalam satu percubaan untuk memberi gambaran palsu bahawa Shariati telah bersabahat dengan pihak yang menahannya, Savak telah merekakan sebuah karangan yang kononnya belum selesai bertajuk Ensan-Marksis-Islam (Kemanusiaan-Marxisme-Islam), dan telah menerbitkannya setelah beliau meninggal dunia.

1.7 Hijrah dan kematiannya

Setelah dibebaskan dari penjara, Shariati tidak dibenarkan keluar dari rumah. Pada bulan Mei 1977 barulah beliau dibenarkan pergi ke London. Walau bagaimanapun, hanya sebulan selepas beliau tiba di sana, beliau tiba-tiba meninggal dunia. Oleh itu ramai yang mensyaki ada konspirasi di sebalik kematiannya dan dia dipercayai dibunuh oleh Savak, polis rahsia Shah yang terkenal dengan sifat kejam. Tetapi koroner Inggeris memutuskan bahawa beliau telah mati akibat serangan sakit jantung mengejut pada usia muda. Beliau telah dikebumikan di Damascus, bersebelahan dengan mausoleum Zainab iaitu adik kepada Imam Husin yang dikenali dengan wirawati atau heroin Karbala.¹²

Dr. Ali Shariati telah menulis banyak buku dan artikel. Dalam tulisan-tulisannya, dia cuba menyampaikan gambaran Islam yang terang dan jelas. beliau sangat percaya jika golongan intelektual dan generasi baru sedar akan kebenaran kepercayaan ini iaitu Islam, usaha untuk perubahan sosial akan berjaya.¹³

NOTA HUJUNG

-
- ¹ Ali Rahnema, *Pioneers of Islamic Revival*, S. Abdul Majeed & Co, Kuala Lumpur, 1995, hlm 208.
- ² Ali Shariati, *On The Sociology of Islam*, Translated from the Persian by Hamid Algar, Mizan Press, Berkeley, U.S.A., 1979, hlm 14-15.
- ³ Ali Rahnema, *op.cit.*, hlm 208-210.
- ⁴ Ahmad Shebery Cheek, *Warisan Shariati*, Ikraq, Kuala Lumpur, 1987, hlm 6.
- ⁵ Ali Rahnema, *op.cit.*, hlm 210-214.
- ⁶ *Ibid.*, hlm 214-217.
- ⁷ *Ibid.*, hlm 217-218.
- ⁸ *Op.cit.*, hlm 7-8.
- ⁹ *Ibid.*, hlm 13-14.
- ¹⁰ *Ibid.*, hlm 8-10.
- ¹¹ Ali Shariati, *Haji*, Diterjemahkan oleh Anas Mahyuddin dan disunting oleh Ammar Haryono, Penerbit Pustaka, Bandung, Cetakan Ketiga 1997, hlm v-vii
- ¹² John L. Esposito, *Voices of Resurgent Islam*, Oxford University Press, New York, 1983, hlm 196.
- ¹³ *A Brief Biography of Dr. Ali Shariati*, <http://www.shariati.net/bio.html>, hlm 1-2.